

Adnan dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang

BH 12 SEP 2000

KUALA LUMPUR, 11 Sept — Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu, menggantikan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamad, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pula dilantik sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri itu, menggantikan Datuk Annuar Musa.

Pelantikan mereka dibuat oleh mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabat parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata keputusan melantik Adnan untuk mengetuai Umno

Pahang dibuat atas permintaan Khalil sendiri.

“Bukan kata kita tidak percaya kepada Tan Sri Khalil... dia bukan diuecat (tetapi) dia minta untuk memberi lebih banyak kredibiliti kepada Datuk Seri Adnan. Tan Sri Khalil berpendapat eloklah dia memberi tempat itu kepada Datuk Seri Adnan.

“Di Kelantan, Pengerusi BN sekarang Datuk Annuar Musa... dia juga meminta supaya jawatan ini diberi kepada Datuk Mustapa, kerana amat penting bagi Datuk Mustapa mengetuai Umno dan juga BN di Kelantan,” katanya.

Julai lalu, mesyuarat MT Umno mengumumkan pelantikan Khalil sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, menggantikan jawatan yang sebelum itu dipegang oleh Adnan.

Adnan mula-mula dilantik mengetuai badan per-

hubungan Umno negeri itu pada Januari lalu selepas Khalil dilantik sebagai Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Khalil berkata pelantikan Adnan tidak berkaitan dengan laporan sebuah akhbar hari ini yang menyatakan Menteri Besar Pahang itu akan melepaskan jawatannya.

Katanya, tindakan itu hanya bertujuan memperkukuhkan Umno Pahang dengan memberi jawatan pengerusi perhubungan Umno negeri kepada Menteri Besar, sama ketika beliau dan Datuk Seri Najib Razak menerajui negeri itu.

“Ia tidak ada kena mengena dengan laporan itu... tidak ada desakan. Saya sudah cadang dulu lagi... Jadi dengan rela hati saya minta Presiden bersetuju dengan cadangan saya menyerahkan jawatan itu,” katanya.